

**Agong Kirim Perutusan Tahniah Kepada Belanda**  
**Bernama**  
**30 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah telah mengirim perutusan tahniah kepada Raja Belanda Willem Alexander sempena menaiki takhta Belanda, Selasa.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah turut berharap Raja dan Ratu Maxima terus mendapat kesihatan yang baik dan teraju pemerintahan yang berjaya serta kesejahteraan dan kemakmuran bagi rakyat negara itu, menurut kenyataan Istana Negara di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946470>